

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 14.07.2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan landskap terkini perniagaan dalam talian ketika situasi pandemik COVID-19. Apakah langkah Kementerian bagi membantu peniaga beralih dari model perniagaan fizikal ke platform digital untuk meneruskan kelangsungan operasi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Situasi pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 telah menyumbang kepada peningkatan dalam pembelian secara atas talian. Para peniaga yang selama ini menjalankan perniagaan hanya dalam premis perniagaan turut beralih kepada perniagaan atas talian dan mula menyediakan kemudahan tempahan secara maya. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak **28.9 peratus peningkatan** telah direkodkan bagi transaksi atas talian pada April 2020. Ini merupakan satu titik permulaan yang baik dalam usaha membangunkan perniagaan yang berkonsepkan digital, khususnya dalam sektor peruncitan.
2. Kementerian menggalakkan perkembangan ini, iaitu peralihan dari model perniagaan fizikal ke platform digital bagi membolehkan peniaga meneruskankan kelangsungan operasi. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam meningkatkan peluang perniagaan di atas talian khususnya dari kalangan peruncit. Sebagai contoh, kementerian telah mengambil inisiatif mengadakan **sesi libat urus bersama-sama wakil Pengendali Pasar Dalam Talian atau marketplace** bagi membincangkan kaedah dan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan e-dagang. Antara hasil awal adalah kejayaan dalam memberi peluang kepada peniaga meluaskan pasaran produk mereka seperti hasil segar dan makanan laut menerusi *marketplace* yang terpilih semasa tempoh PKP tersebut.
3. Kementerian juga telah melaksanakan **advokasi secara digital** melalui penghasilan infografik digital yang dimuat naik melalui media sosial Kementerian iaitu berkaitan garis panduan yang perlu diketahui oleh peniaga dalam menjalankan transaksi dalam talian. Ini secara tidak langsung akan memberi panduan kepada peniaga secara khususnya berkaitan tatacara perniagaan atas talian sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012**.

Sekian, terima kasih.